



“Khutbah Minta Hujan”

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ،
أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ،
أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ؛
الْحَمْدُ لِلَّهِ غَافِرِ الذَّنْبِ وَقَابِلِ التَّوْبِ، شَدِيدِ الْعِقَابِ ذِي الطَّوْلِ، لَا
إِلَهَ إِلَّا هُوَ إِلَهَ الْمَصِيرِ، وَكُلُّ شَيْءٍ إِلَيْهِ يَسِيرُ.
وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له وهو على كل شيء قدير،
يُعْصَى فَيَغْفِرُ، وَيُطَاعَ فَيَشْكُرُ، وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ.
وأشهد أن محمداً عبد الله ورسوله وصفيُّه وخيرته من خلقه، عظيم
السَّجَايَا، كَرِيمُ الْعَطَايَا، خَيْرٌ مَنْ أُعْطِيَ فَشَكَرَ، وَأَنْقَى وَصَبَرَ، وَصَلَّى
وَصَامَ وَاسْتَغْفَرَ.
اللهم صلِّ وسلِّم وبارك عليه وعلى آله وأصحابه إلى يوم الدين.
أما بعد،

فاتقوا الله عباد الله، واعلموا أن ما بكم من نعمة فمن الله.

Wahai hamba Allah sekalian,

Bertaqwalah kepada Allah, dan ketahuilah bahawa apa sahaja nikmat kita perolehi adalah dari Allah jua.

Firman Allah SWT dalam surah Luqman, ayat 20:



أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَهْرَةَ وَبَاطِنَةً وَمِنَ
النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا
كِتَابٍ مُّنِيرٍ ﴿٢٠﴾

"Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada Kami nikmat-nimatNya yang zahir dan yang batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia orang yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah Dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran."

Muslimin sekalian,

Kita mengadu betapa keringnya bumi kita kini.

Betapa tumbuhan dan tanaman sudah mulai kering dan mati.

Kebakaran belukar berlaku di sana-sini.

Hanya kerana sepuntung rokok atau pembakaran yang tidak disedari.

Ruang udara kita sudah mula dipenuhi asap jerebu.

Hasil dari kebakaran yang tidak disengajakan itu.

Di setengah kawasan pula, catuan air sudah bermula.

Bekalan air paip sudah tidak sampai beberapa lama.



Mereka merasai kepayahan itu. Kita juga merasai keperitan itu. Sedangkan tiada daya dan upaya melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung.

لا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

Dia-lah tempat kita mengadu. Kepada-Nya-lah, kita adukan kesukaran dan bencana ini.

Wahai sekalian manusia,

Sesungguhnya apa sahaja musibah yang menimpa kita, ia hanyalah akibat dari perbuatan kita sendiri. Sesungguhnya bala tidak turun melainkan kerana dosa.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah Ali-Imran, ayat 165 :

أَوَلَمَّا أَصَبْتُمْ مُمْسِيَةً قَدْ أَصَبْتُمْ مِثْلَهَا قُلْتُمْ أَنِي
هَذَا قُلٌ هُوَ مِنْ عِنْدِ أَنْفُسِكُمْ قُلْ إِنْ أَلَّهَ عَلَىٰ كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Atau patutkah apabila kamu ditimpa musibah kemalangan, yang kamu telahpun memenangi seperti itu sebanyak dua kali ganda, kamu berkata: "Dari mana datangnya (musibah) ini?"; Katakanlah (Wahai Muhammad): "Musibah itu ialah dari kesalahan diri kamu sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."



Apa sahaja bentuk kerosakan hanyalah terjadi kerana dosa-dosa manusia.

Firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي
النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ



"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."

Hadis daripada Thauban R.A bahawa Rasulullah SAW pula bersabda:

وإن الرجلَ لِيُحْرَمَ الرِّزْقَ بِالذَّنْبِ يُصِيبُهُ

"Sesungguhnya seseorang dihalang rezekinya kerana dosa yang dilakukannya."

(Riwayat Imam Ahmad)

Hadis daripada Abdullah Bin Umar R.A bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:



يَا مَعْشَرَ الْمُهَاجِرِينَ خَمْسٌ إِذَا ابْتَلَيْتُمْ بِهِنَّ وَأَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ
تُدْرِكُوهُنَّ لَمْ تَظْهَرَ الْفَاحِشَةُ فِي قَوْمٍ قَطُّ حَتَّى يُعْلِنُوا بِهَا إِلَّا فِشًا فِيهِمْ
الطَّاعُونَ وَالْأَوْجَاعُ الَّتِي لَمْ تَكُنْ مَضَتْ فِي أَسْلَافِهِمُ الَّذِينَ مَضَوْا.
وَلَمْ يَنْقُصُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ إِلَّا أَخَذُوا بِالسِّنِينَ وَشِدَّةِ الْمُؤْنَةِ وَجَوْرِ
السُّلْطَانِ عَلَيْهِمْ. وَلَمْ يَمْنَعُوا زَكَاةَ أَمْوَالِهِمْ إِلَّا مَنَعُوا الْقَطْرَ مِنَ السَّمَاءِ
وَلَوْلَا الْبَهَائِمُ لَمْ يُمَطَّرُوا وَلَمْ يَنْقُضُوا عَهْدَ اللَّهِ وَعَهْدَ رَسُولِهِ إِلَّا سَلَطَ
اللَّهُ عَلَيْهِمْ عَدُوًّا مِنْ غَيْرِهِمْ فَأَخَذُوا بَعْضَ مَا فِي أَيْدِيهِمْ. وَمَا لَمْ
تَحْكَمْ أَيْمَتَهُمْ بِكِتَابِ اللَّهِ وَيَتَخَيَّرُوا مِمَّا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَّا جَعَلَ اللَّهُ
بَأْسَهُمْ بَيْنَهُمْ .

"Wahai golongan Muhajirin! Ada lima perkara, apabila kalian mendapat ujian dengannya, dan aku berlindung kepada Allah semoga kalian tidak mengalaminya; (1) Tidaklah kekejian tersebar pada suatu kaum, kemudian mereka melakukannya dengan terang-terangan kecuali akan tersebar di tengah mereka penyakit Tha'un dan kelaparan yang belum pernah terjadi terhadap orang terdahulu dari mereka. (2) Tidaklah mereka mengurangi timbangan dan takaran kecuali mereka akan disiksa dengan kemarau berkepanjangan dan penguasa yang zalim. (3) Tidaklah mereka enggan membayar zakat harta-harta mereka kecuali langit akan berhenti menitiskan air untuk mereka, kalau bukan kerana haiwan-haiwan ternak niscaya mereka tidak akan diberi hujan. (4) Tidaklah mereka melanggar janji Allah dan Rasul-Nya kecuali Allah akan kuasakan atas mereka musuh dari luar mereka dan



merampas sebahagian apa yang ada pada mereka. Dan (5) tidaklah pemimpin-pemimpin mereka enggan menjalankan hukum-hukum Allah dan tidak menganggap lebih baik apa yang diturunkan Allah, kecuali Allah akan menjadikan rasa takut di antara mereka."

(Riwayat Ibnu Majah)

Sidang hadirin sekalian,

Walaubagaimanapun, ketahuilah bahawa bala bencana itu tidak akan diangkat melainkan dengan taubat dan kembali kepada Allah *azzawajalla*. Tiada jalan keluar dari apa jua krisis dan kesempitan hidup melainkan dengan taqwa.

Firman Allah SWT dalam surah al-Talaq pada ayat 2 dan 4:

...وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾

"...dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya)."

...وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٤﴾

"... dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya Segala urusannya."

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 96:



وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم
بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

"... sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi..."

Kaum Muslimin sekalian,

Justeru, bertaubatlah kita kepada Allah dengan sebenar-benar taubat. Kembalilah melaksanakan segala bentuk amal salih. Kembalilah kepada Allah secara zahir dan batin. Nescaya kita akan mendapat segala kebaikan di dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nur, ayat 31:

وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ

"... dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya."

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ
ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرُ اللَّهُ
إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ



“Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah - dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).”

(Surah Ali-Imran : 135)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ،
أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ،
أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ؛

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُسْتَهْدِيهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ
شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ
يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Sidang kaum Muslimin sekalian,

Sungguh agung nama Tuhan dan tinggi urusan-Nya. Dia-lah yang Maha Pengampun Dosa dan menutup segala keaiban kita. Dia telah menyeru hamba-hamba-Nya dari kerajaan-Nya yang Maha Tinggi:

Daripada Abu Dzar R.A. bahawa Allah SWT. berfirman dalam hadis Qudsi :



يَا عِبَادِي إِنَّكُمْ تُخْطِئُونَ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَأَنَا أَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا
فَاسْتَغْفِرُونِي أَغْفِرْ لَكُمْ

“Wahai hamba-hamba-Ku! Sesungguhnya kamu telah melakukan kesalahan pada waktu malam dan siang. Sedangkan Aku-lah yang mengampun segala dosa. Maka mintalah ampun dan beristighfar kepada-Ku. Nescaya Aku akan ampuni kamu”.

Hadirin sekalian,

Kita hendaklah memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan kepada Allah SWT. Sesungguhnya dengan memohon keampunan dan beristighfar, nescaya akan melimpahkan rahmat dan menurunkan hujan-Nya ke atas bumi kita. Kenanglah bagaimana Nabi Nuh AS berpesan kepada kaumnya. seperti dirakamkan oleh al-Quran dalam surah Nuh, ayat 10-12:

Firman Allah SWT dalam surah an- Nuh, ayat 10-12:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾
يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾ وَيُمْدِدْكُمْ بِأَمْوَالٍ
وَبَنِينَ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٢﴾

“Sehingga aku berkata (kepada mereka): `Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, Sesungguhnya adalah Dia Maha Pengampun. (10) “(Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurahkan, kepada kamu; (11) “Dan ia akan memberi kepada kamu Dengan



banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan ia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya)."

Wahai sekalian hamba Allah,

Ketahuiilah bahawa istighfar mengandungi banyak faedah. Ia mengurangkan kegelinciran dosa. Ia menghapuskan kesalahan. Ia menghilangkan kedukaan. Ia juga membuang segala kesulitan. Beristighfarlah kepada Allah yang Maha Hidup Lagi Berdiri Sendiri.

Hadis daripada Al-Hakim R.A bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ لَزِمَ الْإِسْتِغْفَارَ جَعَلَ اللَّهُ لَهُ مِنْ كُلِّ ضَيْقٍ مَخْرَجًا وَمِنْ كُلِّ هَمٍّ فَرَجًا وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ.

"Sesiapa yang melazimi istighfar, Allah akan jadikan baginya jalan keluar dari segala kesempitan, penyelesaian bagi segala kedukaan. Dan Allah akan memberinya rezeki dari sumber yang tidak disangka-sangka."

(Riwayat Abu Dawud).

Sidang hadirin sekalian,

Marilah kita berdoa dan bermohon, semoga Allah mengampunkan dosa-dosa kita dan merahmati kita semua dengan menurunkan hujan sebagai kurniaan dan belas ihsan dari-Nya.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ، اللَّهُمَّ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ . أَنْتَ الْغَنِيُّ وَنَحْنُ



الْفُقَرَاءُ ، أَنْزِلْ عَلَيْنَا الْغَيْثَ وَاجْعَلْ مَا أَنْزَلْتَ عَلَيْنَا قُوَّةً وَبَلَاغًا إِلَى حِينٍ.

"Segala puji bagi Allah pemelihara alam semesta, Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Raja hari kiamat, tiada Tuhan selain Allah, yang berbuat menurut kehendak-Nya. Ya Allah, Engkaulah Allah yang tiada Tuhan selain-Mu. Engkaulah Maha Kaya, sedangkan kami adalah papa, turunkanlah kepada kami hujan, dan jadikanlah apa yang Engkau turunkan itu menjadi bekal sampai beberapa lama"

اللَّهُمَّ اغْنِنَا ، اللَّهُمَّ اغْنِنَا ، اللَّهُمَّ اغْنِنَا

"Ya Allah siramilah kami, Ya Allah siramilah kami, Ya Allah siramilah kami"

اللَّهُمَّ اسْقِنَا غَيْثًا مُغِيثًا مَرِيئًا مَرِيئًا نَافِعًا غَيْرَ ضَارٍّ عَاجِلًا غَيْرَ آجِلٍ

"Ya Allah siramilah kami dengan hujan yang menyuburkan dan yang baik kesudahannya yang bertapis-tapis yang memberi manafaat tidak memberi mudharat segera tidak berlambat-lambat"

اللَّهُمَّ اسْقِ عِبَادَكَ وَبَهَائِمَكَ وَأَنْشُرْ رَحْمَتَكَ وَأَخِي بَلَدَكَ الْمَيِّتَ

"Ya Allah siramilah hamba-Mu dan haiwan-haiwan ternakan-Mu. Sebarkanlah rahmat-Mu dan hiduskanlah negeri-Mu yang mati"

اللَّهُمَّ يَا بَاسِطَ الْيَدَيْنِ بِالْعَطَايَا، اغْفِرْ لَنَا الذُّنُوبَ وَالرِّزَايَا، وَالسَّيِّئَاتِ وَالْخَطَايَا، اللَّهُمَّ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَنْتَ الْغَنِيُّ وَنَحْنُ الْفُقَرَاءُ؛ أَنْزِلْ عَلَيْنَا الْغَيْثَ وَلَا تَجْعَلْنَا مِنَ الْقَانِطِينَ، اللَّهُمَّ اغْنِنَا، اللَّهُمَّ اغْنِنَا،



اللَّهُمَّ اغْنِنَا اللَّهُمَّ اغْنِنَا غِيثًا مُغِيثًا، سَحًّا غَدَقًا طَبَقًا مُجَلَّلًا، اللَّهُمَّ سُقِيَا
رَحْمَةً لَا سُقِيَا هَدْمًا وَلَا بَلَاءً وَلَا غَرَقًا، اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا خَيْرَ مَا عِنْدَكَ
بَشَرًّا مَا عِنْدَنَا، اللَّهُمَّ إِنَّا خَلَقْنَا مِنْ خَلْقِكَ، فَلَا تَمْنَعْنَا بِذُنُوبِنَا
فَضْلَكَ، نَسْتَغْفِرُ اللَّهَ، نَسْتَغْفِرُ اللَّهَ، نَسْتَغْفِرُ اللَّهَ،

Ya Allah! Wahai Tuhan yang menghulurkan tangan dengan segala pemberian.

Ampunilah kami atas segala dosa dan keterlanjuran. Segala kejahatan dan kesilapan.

Ya Allah! Tiada Tuhan selain Engkau. Engkaulah yang Maha Kaya. Kami semua faqir dan berhajat kepada-Mu. Turunkanlah hujan ke atas kami. Janganlah Engkau jadikan kami di kalangan orang-orang yang berputus asa.

Ya Allah! Turunkanlah hujan, yang melimpahkan segala pemberian. Hujan rahmat, bukan hujan yang membinasakan. Bukan bala dan banjir yang menenggelamkan.

Ya Allah! Janganlah Engkau sekat kami dari kurniaan-Mu kerana kejahatan yang ada pada kami.

Ya Allah! Kami adalah makhluk-makhluk Mu. Kami mohon ampun kepada-Mu. Kami mohon ampun kepada-Mu. Kami mohon ampun kepada-Mu.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَغْفِرُكَ، إِنَّكَ كُنْتَ غَفَّارًا، فَأَرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْنَا
مِدْرَارًا، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ، سُبْحَانَ رَبِّنَا رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ،
وَأَخِرُ دَعْوَانَا أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

**
JAIS/Nurul
06.03.2014